

13/12/1999

Penduduk kecewa Ku Li tidak disenarai

GUA MUSANG, Ahad - Penduduk di Kelantan Selatan terkejut apabila Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, tidak disenaraikan dalam Kabinet baru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang diumumkan kelmarin.

Mereka menyifatkan ketiadaan Ahli Parlimen itu dalam senarai Kabinet agak sukar diterima walaupun mengakui ia sebagai 'hukuman' kepada rakyat Kelantan kerana gagal membantu Barisan Nasional (BN) merampas pemerintahan negeri ini daripada Pas dalam pilihan raya umum ke 10, 29 November lalu.

Menurut mereka, rakyat di Gua Musang sebelum ini terlalu mengharapkan Tengku Razaleigh yang juga Ahli Parlimen tunggal dari BN yang berjaya mempertahankan kerusinya di Kelantan, dipilih sebagai menteri.

Bagaimanapun, mereka agak kecewa apabila pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri kelmarin, nama Tengku Razaleigh tidak disenaraikan langsung.

Dalam pengumuman barisan Kabinet baru itu, Perdana Menteri menyenaraikan tujuh muka baru antara sembilan menteri baru manakala tiga menteri digugurkan dan tiga lagi berpindah portfolio.

Sebelum ini, Dr Mahathir ketika ditanya pemberita mengenai kedudukan Tengku Razaleigh yang berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Gua Musang berkata: "Kita mengambil pertimbangan mengenai semua perkara. Dalam melantik menteri, jika seorang itu tidak memenuhi kriteria, sudah tentu kita tidak boleh melantik walaupun siapa dia."

Seorang penduduk di bandar ini, Sudin Ahmad, 42, berkata, rakyat di Gua Musang memang tertunggu-tunggu pelantikan Tengku Razaleigh dalam Kabinet.

Bagaimanapun, katanya sebaik diumumkan, sebilangan besar rakyat di Kelantan Selatan terutama Gua Musang hampa kerana orang yang mereka sanjung dan disayangi untuk memperjuangkan nasib rakyat negeri ini tidak disenaraikan dalam Kabinet baru itu.

"Kami terlalu berharap Tengku Razaleigh dipilih sebagai menteri, tetapi apa yang berlaku disebaliknya dan ini sudah tentu boleh menggugat pembangunan di Kelantan," katanya.

Suki Ngah, 38, pula berkata, Perdana Menteri mungkin ada sebab tersendiri apabila mengetepikan Tengku Razaleigh dalam senarai Kabinet barunya itu.

"Kita sebagai rakyat negeri ini perlu menerima hakikat itu kerana menolak BN dan memilih Pas pada pilihan raya umum lalu. Perdana Menteri berpandangan jauh dan mungkin ada keistimewaan selepas ini," katanya.

(END)